

Anugerah Bunga Raya PM akan jadi anugerah berprestij

UM 5 MAR 2002
KUALA LUMPUR 4 Mac - Kerajaan akan menjadikan Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri sebagai anugerah alam sekitar yang berprestij dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding berkata, langkah itu sekali gus dapat menarik lebih ramai penyertaan syarikat tempatan termasuk industri kecil sederhana (IKS).

Bagi tujuan itu katanya, pihak jawatankuasa penilaian perlu meningkatkan piawaian pemuliharaan alam sekitar terhadap syarikat industri dan perniagaan di negara ini.

"Anugerah Hibiscus Perdana Menteri berpeluang menjadi petanda yang mempunyai kredibiliti bagi industri di Malaysia jika piawaian dalam teknikal penilaian adalah tinggi dan sejajar dengan permintaan pasaran global," ujarnya pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian Anugerah Bunga Raya Perdana Menteri 2000/2001 di sini hari ini.